

# awards & achievements

**ANUGERAH & KEJAYAAN**

healthcare **PENJAGAAN KESIHATAN**



Winner in the 2000 Run of the Enterprise 50 Award Programme  
PEMENANG DALAM PERTANDINGAN 2000 BAGI PROGRAM PENGANUGERAHAN 50 PERUSAHAAN

Merit Certificate Industrial Excellence Award 1999  
– Production (Category II)  
SIJIL KEPUJIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI 1999  
– KELUARAN (KATEGORI II)



awards & achievements  
ANUGERAH & KEJAYAAN

fertilisers BAJA



Certificate of Recognition from the Selangor State Government & Shah Alam City Council in conjunction with the Silver Jubilee Celebration (1978-2003)

SIJIL PENGHARGAAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR & MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK (1978-2003)



chemicals KIMIA



Customer Excellence Award 2003  
for Equalisation Activity Category  
Atomic Power Licensing Board  
Ministry of Science, Technology & Environment

ANUGERAH PELANGGAN CEMERLANG 2003  
BAGI KATEGORI AKTIVITI TOLOK  
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & ALAM SEKITAR



CCM National QIT Challenge Trophy  
– Manufacturing Category

PIALA KEMENANGAN QIT KEBANGSAAN CCM  
– KATEGORI PERKILANGAN



Corporate Award for CICM Responsible Care Awards 2002  
Community Awareness and Emergency Response – Gold Award  
ANUGERAH KORPORAT BAGI ANUGERAH KEPRIHATINAN BERTANGGUNGJAWAB CCM 2002  
KESEDARAN MASYARAKAT DAN GERAK BALAS KECEMASAN – ANUGERAH EMAS



# corporate governance

## PENGAWASAN KORPORAT

The Board places great importance on its commitment to ensure that the highest standard of Corporate Governance is practised throughout the Group so as to ensure greater transparency, accountability and protection of shareholders' interest.

Lembaga Pengarah menitik beratkan komitmennya dalam memastikan pengamalan Tadbir Urus Korporat yang bertahap tinggi di seluruh Kumpulan bagi menjamin tahap ketelusan, sikap bertanggungjawab dan pemeliharaan kepentingan para pemegang saham.

The Malaysian Code on Corporate Governance sets out principles and best practices on structures and processes used to direct and manage the business and affairs of the Company towards enhancing business prosperity and corporate accountability with the ultimate objective of realizing long term shareholder value, whilst taking into account the interest of other stakeholders.

The Board of Directors of Chemical Company of Malaysia Berhad is committed to ensuring that the highest standards of corporate governance are practiced throughout the Group as a fundamental part of discharging its responsibilities to protect and enhance shareholder value and the performance of the Group.

## Directors

### Appointment and Re-election of Directors

The Nomination and Remuneration Committee selects and proposes to the Board suitable candidates for appointment as Directors.

In accordance with the Company's Articles of Association, all Directors who are appointed by the Board are subject to election by shareholders at the first Annual General Meeting (AGM) after their appointment. The Articles also provide that one third of the remaining Directors are subject to re-election by rotation at least once every three years.

### Board Balance and Responsibility

The Directors, collectively, have a wide range of legal, business, financial and technical experience in order to enable them to discharge their responsibility effectively. A brief profile of each Director is presented on pages 8 to 30.

The Board composition complies with the MSEL Listing Requirements in respect of minimum number of independent Non-Executive Directors. The Board has overall responsibility for corporate governance, strategic direction and effective control of the Company. The Board has and will establish relevant committees to assist in the execution of its responsibilities.

The division of responsibilities between the Non-Executive Chairman and Executive Managing Director ensures a balance of power and authority. Non-Executive Directors provide unbiased and independent views and advice to take account of the interest of the Group's shareholders, employees and community in which the Group conducts its business.

The number of Board of Directors meetings and attendance for the financial year ended 31 December 2003, taking into account their appointment and resignation date are as follows:

Directors	Number of Board Meetings	
	Held	Attended
Dato' Mohd Ibrahim bin Mohd Zain	7	7
Dato' Lim Say Chong	7	7
Hui Woong Choong	7	7
Tan Sri Dato' Dr Mohamed Yusof Hashim	7	7
Dato' N Sadasivan	7	7
Dato' Tan Kay Hock	7	6
Dato' David Chiu	7	4
Paisol bin Ahmad	7	7
Khet Kok Yin	7	7
Ooi Boon Leong @ Law Weng Leun	7	7
Eva Hui Yin Fun (Alternate to Dato' David Chiu)	7	3
Dato' Mohd Hussaini B Haji Abdul Jamil (appointed on 30.08.2003)	3	3
Sreesanthan Eliathamby (appointed on 11.09.2003)	2	2
Oh Kim Sun (not re-elected on 24.04.2003)	2	2
Haji Hassan Jaafar (resigned on 11.09.2003)	5	5

**Supply of Information**

All Directors are provided with an agenda and a set of Board papers prior to Board Meetings.

Directors may obtain independent professional advice in furtherance of their duties at the Company's expense.

All Directors have access to the advice and services of the Company Secretary in carrying out their duties.

**The Board Committees**

The following committees have been established to assist the Board in the discharge of its duties:

Committee	Chaired By
Audit Committee	Dato' N Sadasivan (Independent Director)
Nomination and Remuneration Committee	Dato' N Sadasivan (Independent Director)

**Audit Committee**

The report on the Audit Committee is on pages 58 to 59.

**Nomination & Remuneration Committee**

The Committee selects and proposes to the Board suitable candidates for appointment as Directors. The Committee will review the required mix of skills, experience and other qualities including core competencies which Directors should bring to the Board.

The Committee is also responsible for determining the Company's overall compensation policy and in particular, the compensation package for Executive Directors and Senior Executives.

The Committee met 3 times during the year. The members of this Committee and their attendance at the meeting are as follows:

Directors	Number of Board Meetings	
	Held	Attended
Dato' N Sadasivan (Chairman)	3	3
Tan Sri Dato' Dr Mohamed Yusof Hashim	3	2
Dato' Tan Kay Hock	3	3

**Training**

All members of the Board have attended the Mandatory Accreditation Program conducted by the Research Institute of Investment Analyst Malaysia (RIAM).

The members of the Board are currently undergoing the Continuing Education Program (CEP) and are in the process of obtaining the required CEP points to comply to the MSEB Listing Requirements.

**Director Remuneration**

All directors are paid director's fees. The directors' fees and changes thereto are approved by the shareholders at the AGM.

The remuneration of the Managing Director and Executive Directors are approved by the Non-Executive Directors.

Aggregate remuneration of Directors categorized into appropriate components for the financial year ended 31 December 2003 are as follows:

Category of Directors	Fees (RM'000)	Salaries (RM'000)	Benefits In Kind (RM'000)	Total (RM'000)
Executive Directors	46	2,264	50	2,360
Non-Executive Directors	187	–	–	187

The number of Directors whose remuneration falls within the following bands are as follows:

Range of Remuneration (RM)	Executive	Non-Executive
Below 50,000	–	11
100,001 to 150,000	1	–
300,001 to 350,000	1	–
1,900,001 to 1,950,000	1	–

### Financial Reporting

The Board is aware of its responsibilities to shareholders and the requirement to present a balanced and comprehensive assessment of the Group's financial position and prospects. In this regard, the Directors are responsible for the preparation of financial statements which give a true and fair view of the state of affairs of the Group at the end of the financial year.

The Directors are responsible for keeping proper accounting records which disclose with reasonable accuracy at any time the financial position of the Group to enable them to ensure that the financial statements comply with the Companies Act, 1965 and approved Accounting Standards in Malaysia. The Directors are also responsible for safeguarding the assets of the Group and for taking reasonable steps for the prevention and detection of fraud and other irregularities.

### Relations with the Auditors

The role of the Audit Committee in relation to external auditors is stated in the Statement of the Audit Committee.

### Investor Relations and Shareholder Communication

The Board recognizes the need to communicate with shareholders on all material matters affecting the Company.

The timely release of financial results on a quarterly basis provides shareholders with an overview of the Group's performance and operations.

The Company has been using the Annual General Meeting, usually held in April each year, as a basis of communication with shareholders. Shareholders who are unable to attend are allowed to appoint proxies to attend and vote on their behalf. Members of the Board as well as the Auditors of the Company are present to answer questions raised at the meeting.

In addition, shareholders can obtain information on the Group's various activities by accessing its website at [ccm.com.my](http://ccm.com.my).

**Additional Information**

**Recurrent Related Party Transactions of a Revenue Nature**

At the Extraordinary General Meeting held on 24 April 2003, the Company had obtained a shareholders mandate to allow the Group to enter into recurrent related party transactions of a revenue nature.

In accordance to the MSEB Listing Requirements, the details of recurrent related party transactions audited during the financial year ended 31 December 2003 pursuant to the Shareholders Mandate are as follows:

Transaction	Vendor/Provider	Purchaser/Recipient	Interested Party	RM'000
Rental of office and warehouse space and provision of management services	CCM Berhad	CCM Fertilizers Sdn Bhd	Dato' Lim Say Chong Hiu Woong Choong	4,664
	CCM Berhad	CCM Chemicals Sdn Bhd		2,370
Sale of Watercare products	CCM Chemicals Sdn Bhd	Usaha Kimia Sdn Bhd	Yeoh Keat Chye Dato' Haji Mizanur Rahman Ghani	2,067
Sale of Ammonia	CCM Chemicals Sdn Bhd	CCM Fertilizers Sdn Bhd	Dato' Lim Say Chong Dato' Haji Mizanur Rahman Ghani	33,818
		CCM Chemicals Sdn Bhd		3,160
Short Term inter-company financing	CCM Berhad	Subsidiaries	Dato' Lim Say Chong Hiu Woong Choong Dato' Haji Mizanur Rahman Ghani Yeoh Keat Chye	137,527
	Subsidiaries	CCM Berhad		45,239
<b>Total</b>				<b>228,845</b>

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 26 February 2004.

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia menyatakan prinsip-prinsip serta amalan-amalan terbaik terhadap struktur-struktur serta proses-proses yang digunakan bagi menjalankan serta menguruskan perniagaan serta urusan Syarikat ke arah memperbaiki kemakmuran perniagaan dan tanggungjawab korporat bagi merealisasikan nilai jangka panjang pemegang saham sebagai objektif utama, disamping mengambil kira kepentingan pihak-pihak berkaitan yang lain.

Lembaga Pengarah Chemical Company of Malaysia Berhad memberi komitmen sepenuhnya bagi memastikan pengamalan tadbir urus korporat yang mempunyai taraf tertinggi ke atas seluruh Kumpulan sebagai asas dalam melaksanakan tanggungjawab untuk melindungi dan memperbaiki nilai pemegang saham dan prestasi Kumpulan.

## Pengarah

### Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan memilih dan mencadangkan calon-calon yang sesuai dilantik sebagai Pengarah kepada Lembaga Pengarah.

Menurut Tataurus Pertubuhan Syarikat, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah tertakluk kepada pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan yang pertama selepas pelantikan mereka. Tataurus Pertubuhan Syarikat juga menyatakan bahawa satu pertiga daripada baki Pengarah adalah tertakluk kepada pemilihan semula oleh para pemegang saham mengikut giliran, sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga tahun.

### Keseimbangan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Para Pengarah, secara keseluruhannya, mempunyai pengalaman perundangan, perniagaan, kewangan dan teknikal yang luas yang membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan berkesan. Profil ringkas bagi setiap Pengarah terdapat dalam muka surat 9 hingga 31.

Komposisi Lembaga Pengarah yang berkaitan dengan jumlah minimum Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah seperti yang dikehendaki oleh Keperluan Penyenaraian MSEB.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh terhadap tadbir urus korporat, arah tuju strategik serta pengawalan Syarikat yang berkesan. Lembaga Pengarah telah dan akan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan bagi membantu mereka dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Pembahagian tanggungjawab di antara Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Urusan Eksekutif memastikan keseimbangan kuasa. Pengarah-pengarah bukan eksekutif memberikan pandangan dan nasihat yang seimbang untuk mengambil kira kepentingan para pemegang saham Kumpulan, para pekerja serta masyarakat di mana perniagaan Kumpulan dikendalikan.

Jumlah Mesyuarat Lembaga Pengarah dan kedatangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003, mengambil kira tarikh pelantikan mereka adalah seperti berikut:

Pengarah	Jumlah Mesyuarat Lembaga Pengarah	
	Diadakan	Dihadiri
Dato' Mohd Ibrahim bin Mohd Zain	7	7
Dato' Lim Say Chong	7	7
Hui Woong Choong	7	7
Tan Sri Dato' Dr Mohamed Yusof Hashim	7	7
Dato' N Sadasivan	7	7
Dato' Tan Kay Hock	7	6
Dato' David Chiu	7	4
Paisol bin Ahmad	7	7
Khet Kok Yin	7	7
Ooi Boon Leong @ Law Weng Leun	7	7
Eva Hui Yin Fun (silih ganti kepada Dato' David Chiu)	7	3
Dato' Mohd Hussaini B Haji Abdul Jamil (dilantik pada 30.08.2003)	3	3
Sreesanthan Eliathamby (dilantik pada 11.09.2003)	2	2
Oh Kim Sun (tidak dilantik semula pada 24.04.2003)	2	2
Haji Hassan Jaafar (meletakkan jawatan pada 11.09.2003)	5	5

## Pembekalan Maklumat

Setiap Pengarah dibekalkan dengan sebuah agenda dan satu set kertas kerja Lembaga Pengarah sebelum Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Para Pengarah boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional yang bebas di atas perbelanjaan Syarikat dalam melaksanakan tugas mereka.

Kesemua Pengarah mempunyai hak untuk mendapatkan khidmat nasihat Setiausaha Syarikat dalam menjalankan tugas mereka.

## Jawatankuasa Lembaga

Jawatankuasa-jawatankuasa berikut telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam menjalankan tugasnya:

Jawatankuasa	Dipengerusikan oleh
Jawatankuasa Audit	Dato' N Sadasivan (Pengarah Bebas)
Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan	Dato' N Sadasivan (Pengarah Bebas)

## Jawatankuasa Audit

Laporan Jawatankuasa Audit terdapat dalam mukasurat 60 hingga 61.

## Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Jawatankuasa memilih dan mencadangkan calon-calon yang sesuai dilantik sebagai Pengarah kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa akan meneliti komposisi kepakaran, pengalaman serta kualiti-kualiti lain yang diperlukan termasuk kecekapan teras yang perlu dibawa oleh Pengarah ke dalam Lembaga.

Jawatankuasa juga bertanggungjawab menentukan dasar ganjaran keseluruhan Syarikat dan terutamanya, pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif serta Eksekutif-eksekutif Kanan.

Jawatankuasa bermesyuarat sebanyak 3 kali disepanjang tahun semasa. Ahli-ahli dan kedatangan mereka ke mesyuarat adalah seperti berikut:

Pengarah	Jumlah Mesyuarat Lembaga Pengarah	
	Diadakan	Dihadiri
Dato' N Sadasivan (Pengerusi)	3	3
Tan Sri Dato' Dr Mohamed Yusof Hashim	3	2
Dato' Tan Kay Hock	3	3

## Latihan

Kesemua pengarah telah menghadiri Program Pertauliahahan Mandatori yang dijalankan oleh Research Institute of Investment Analyst Malaysia (RIIAM).

Ahli-ahli Lembaga kini sedang menjalankan Program Pengajian Berterusan (CEP) dan di dalam proses untuk mendapatkan mata CEP seperti yang diperlukan oleh Keperluan Penyenaraian MSEP.

## Imbuhan Pengarah

Kesemua Pengarah dibayar yuran pengarah. Yuran pengarah dan sebarang perubahan ke atasnya diluluskan oleh pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

Imbuhan Pengarah Urusan dan Pengarah-pengarah Eksekutif diluluskan oleh Pengarah-pengarah bukan Eksekutif.

Jumlah imbuhan Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 yang dikategorikan kepada komponen-komponen yang berkenaan adalah seperti berikut:

Kategori Pengarah	Yuran (RM'000)	Gaji (RM'000)	Faedah bukan berbentuk wang (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Pengarah Eksekutif	46	2,264	50	2,360
Pengarah Bukan Eksekutif	187	–	–	187

Jumlah Pengarah-pengarah yang imbuhanannya termasuk dalam lingkungan-lingkungan berikut adalah:

Lingkungan Imbuhan (RM)	Eksekutif	Bukan Eksekutif
Di bawah 50,000	–	11
100,001 hingga 150,000	1	–
300,001 hingga 350,000	1	–
1,900,001 hingga 1,950,000	1	–

## Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah menyedari tanggungjawab mereka kepada pemegang saham dan keperluan untuk mengemukakan taksiran kedudukan kewangan dan prospek yang seimbang dan menyeluruh. Dengan ini, Lembaga Pengarah turut bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Kumpulan pada akhir setiap tahun kewangan.

Para Pengarah bertanggungjawab menyimpan rekod perakaunan yang teratur serta memberi pendedahan tepat dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Kumpulan disepanjang masa disamping membolehkan mereka memastikan pematuhan penyata kewangan dengan Akta Syarikat, 1965 dan Piawai Perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab melindungi harta Kumpulan dan mengambil langkah-langkah munasabah untuk mencegah dan mengesan sebarang penipuan dan transaksi luar biasa.

## Hubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit yang berkaitan dengan juruaudit luar ditafsirkan dalam Panyata Jawatankuasa Audit.

## Hubungan Pelabur dan Komunikasi dengan Para Pemegang Saham

Lembaga Pengarah menyedari keperluan untuk berkomunikasi dengan para pemegang saham dalam semua perihal penting yang melibatkan Syarikat.

Pengeluaran keputusan kewangan suku tahunan yang tepat pada masanya memberi para pemegang saham pandangan menyeluruh terhadap perihal Kumpulan serta operasi-operasinya.

Syarikat telah menggunakan Mesyuarat Agung Tahunan, yang biasanya diadakan dalam bulan April setiap tahun sebagai asas komunikasi dengan para pemegang saham. Pemegang saham yang tidak dapat menghadiri mesyuarat dibenarkan melantik proksi untuk menghadiri serta mengundi bagi pihak mereka. Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta Juruaudit Syarikat turut hadir untuk menjawab sebarang soalan yang ditanya dalam mesyuarat.

Tambahan pula, para pemegang saham boleh mendapatkan maklumat yang berkenaan dengan Kumpulan serta aktiviti-aktivitinya yang pelbagai dengan melayari halaman webnya di [ccm.com.my](http://ccm.com.my).

## Maklumat Tambahan

### Urusniaga Berulang Berasaskan Pendapatan dengan Pihak Berkaitan

Dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 24 April 2003, Syarikat telah mendapatkan mandat daripada para pemegang saham yang membolehkannya menjalankan urusniaga berulang berasaskan pendapatan dengan pihak berkaitan.

Menurut Keperluan Penyenaraian MSEB, butir-butir terperinci urusniaga berulang berasaskan pendapatan dengan pihak berkaitan yang telah diaudit di sepanjang tahun berakhir 31/12/2003 menurut mandat Para Pemegang Saham adalah seperti berikut:

Jenis Transaksi	Penjual/Pembekal	Pembeli/Penerima	Pihak Berkaitan	RM'000
Sewa ruang pejabat dan gudang serta pembekalan perkhimatan pengurusan	CCM Berhad	CCM Fertilizers Sdn Bhd	Dato' Lim Say Chong Hui Woong Choong	4,664
	CCM Berhad	CCM Chemicals Sdn Bhd		2,370
Jualan produk penjagaan air	CCM Chemicals Sdn Bhd	Usaha Kimia Sdn Bhd	Yeoh Keat Chye Dato' Haji Mizanur Rahman Ghani	2,067
Jualan Amonia	CCM Chemicals Sdn Bhd	CCM Fertilizers Sdn Bhd	Dato' Lim Say Chong Dato' Haji Mizanur Rahman Ghani	33,818
Jualan Asid Nitrik	CCM Fertilizers Sdn Bhd	CCM Chemicals Sdn Bhd		3,160
Bantuan kewangan antara Syarikat jangka pendek	CCM Berhad	Anak-anak syarikat	Dato' Lim Say Chong Hui Woong Choong Dato' Haji Mizanur Rahman Ghani Yeoh Keat Chye	137,527
	Anak-anak syarikat	CCM Berhad		45,239
<b>Jumlah</b>				<b>228,845</b>

Penyata ini dibuat menurut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 26 Februari 2004.

# audit committee report

The Board is pleased to issue the following report on the Audit Committee and its activities during the financial year ended 31 December 2003.

The Audit Committee was established by a resolution of the Board on 25 November 1993.

## Members and Meetings

The Audit Committee comprises four members all of whom are non-executive directors.

A total of 5 meetings were held during the year. The membership status and attendance record of each of the members during the year or in the case of directors appointed after 1 January 2003, since the date of their appointment, are as follows:

Name	Membership Status	Number of Meetings	
		Held	Attended
Dato' N Sadasivan	Independent Chairman	5	5
Dato' Tan Kay Hock	Independent	5	5
Tan Sri Dato' Mohd Yusof bin Hashim	Independent	5	4
Oh Kim Sun (not re-elected on 24.04.2003)	Executive	1	1
Paisol Ahmad (appointed on 07.11. 2003)	Non-Executive	not applicable	not applicable

The Group Internal Auditor and a representative of the external auditor normally attend the meetings.

## Terms of Reference

### Authority

The Audit Committee shall have:

- i. the authority to seek any information relevant to its activities from employees of the Company and Group.
- ii. the necessary resources required to carry out its duties and is authorized to obtain such independent professional advice it considers necessary.
- iii. full and unlimited access to any information and documents pertaining to the Company and the Group.

### Responsibilities

- To review the financial reporting to external parties carried out by the Group.
- To review the accounting policies of the Group.
- To review the scope and audit programmes of the internal and external auditors and any material issues arising from these audits.
- To review the effectiveness of the Group's systems of accounting and internal controls.
- To recommend to the Board the appointment of the external auditors and the level of their fees.
- To consider any related party transactions that may arise within the Group.

## **Activities of the Committee During the Year**

In line with its terms of reference, the following activities were carried out by the Audit Committee during the year ended 31.12.2003:

- i. Review and approval of the internal audit plan for the year.
- ii. Review of the audit reports of the Group and the Company prepared by the internal and external auditors and consideration of the major findings by the auditors and management responses thereon.
- iii. Review of the quarterly and annual reports of the Group and Company prior to submission to the Board of Directors for consideration and approval.
- iv. Review of the related party transactions entered into by the Group and the Company and the disclosure of such transactions in the annual report of the company.
- v. Review of major capital expenditure proposals to be incurred by the Company or Group prior to submission to the Board of Directors for consideration and approval.

## **Internal Audit Function**

The Company has an internal audit department whose principal responsibility is to undertake regular and systematic risk-based assessments of the systems of internal control so as to provide reasonable assurance that such systems are adequate and continue to operate effectively in managing the key risks of the Company and Group.

Further details of the activities of the internal audit function are set out in the Statement on Internal Control.

## **Relationship with External Auditors**

The External Auditors are invited to all the meetings of the Audit Committee and they attended four of five meetings of the committee during the year.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 26 February 2004.

# laporan jawatankuasa audit

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya menyampaikan laporan berikut berkenaan Jawatankuasa Audit serta aktiviti-aktivitinya di sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 25 November 1993.

## **Keahlian dan Mesyuarat**

Jawatankuasa Audit mempunyai empat ahli yang kesemuanya adalah pengarah bukan eksekutif.

Sejumlah 5 mesyuarat telah diadakan disepanjang tahun. Kedudukan keahlian serta rekod kedatangan setiap ahli di sepanjang tahun atau bagi pengarah yang dilantik selepas 1 Januari 2003, daripada tarikh pelantikan mereka, adalah seperti berikut:

Nama	Kedudukan Keahlian	Bilangan Mesyuarat	
		Diadakan	Dihadiri
Dato' N Sadasivan	Pengerusi Bebas	5	5
Dato' Tan Kay Hock	Bebas	5	5
Tan Sri Dato' Mohd Yusof bin Hashim	Bebas	5	4
Oh Kim Sun (tidak dilantik semula pada 24.04.2003)	Eksekutif	1	1
Paisol Ahmad (dilantik pada 07.11. 2003)	Bukan Eksekutif	tiada kaitan	tiada kaitan

Juruaudit Dalam Kumpulan dan seorang wakil daripada juruaudit luar biasanya menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut.

## **Bidang Tugas**

### **Bidang Kuasa**

Jawatankuasa Audit mempunyai:

- i. kuasa mendapatkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktivitinya daripada kakitangan Syarikat dan Kumpulan.
- ii. sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya dan diberi kuasa untuk mendapatkan khidmat nasihat profesional yang dirasakan perlu.
- iii. kebebasan penuh tanpa had terhadap sebarang maklumat serta dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Syarikat dan Kumpulan.

### **Tanggungjawab**

- Untuk mengkaji laporan kewangan yang dikeluarkan oleh Kumpulan kepada pihak-pihak luaran.
- Untuk mengkaji dasar-dasar perakaunan Kumpulan.
- Untuk mengkaji bidang dan program audit juruaudit dalam dan luar dan sebarang isu-isu penting yang timbul daripada audit-audit tersebut.
- Untuk mengkaji keberkesanan sistem perakaunan dan kawalan dalaman Kumpulan.
- Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan juruaudit luar serta tahap yuran mereka.
- Untuk mempertimbangkan sebarang urusniaga dengan pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam Kumpulan.

## **Aktiviti-aktiviti Jawatankuasa di Sepanjang Tahun**

Selaras dengan bidang tugasnya, aktiviti-aktiviti berikut telah dijalankan oleh Jawatankuasa Audit disepanjang tahun berakhir 31.12.2003:

- i. Mengkaji dan meluluskan perancangan audit dalaman bagi tahun semasa.
- ii. Mengkaji laporan audit bagi Kumpulan dan Syarikat yang disediakan oleh juruaudit dalam dan luar serta memberi pertimbangan terhadap penemuan penting oleh juruaudit-juruaudit serta tindakbalas pihak pengurusan yang berkaitannya.
- iii. Mengkaji laporan-laporan tahunan dan suku tahun Kumpulan dan Syarikat sebelum dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah.
- iv. Mengkaji urusan pihak berkaitan yang dijalankan oleh Kumpulan dan Syarikat serta melaporkan urusan-urusan tersebut di dalam laporan tahunan syarikat.
- v. Mengkaji cadangan perbelanjaan modal yang besar yang bakal diambil oleh Syarikat atau Kumpulan sebelum dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah.

## **Fungsi Audit Dalaman**

Syarikat mempunyai bahagian audit dalaman yang bertanggungjawab utamanya adalah menjalankan penaksiran berdasarkan risiko yang kerap dan sistematik terhadap sistem kawalan dalaman dengan tujuan memberi jaminan yang berpatutan bahawa sistem tersebut adalah memadai dan terus beroperasi dengan berkesan dalam menguruskan risiko-risiko utama Syarikat dan Kumpulan.

Maklumat terperinci berkaitan aktiviti-aktiviti fungsi audit dalaman boleh didapati dalam Penyata Kawalan Dalaman.

## **Perhubungan dengan Juruaudit Luar**

Juruaudit luar dijemput untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan mereka telah menghadiri empat daripada lima mesyuarat yang diadakan di sepanjang tahun.

Penyata ini dibuat menurut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 26 Februari 2004.

## statement on internal control

The Board is responsible for the Group's system of internal control and for reviewing its adequacy and integrity. The system includes financial, operational and compliance controls and risk management. The system is designed to manage rather than eliminate the risk of failure to achieve business objectives and accordingly, it can only provide reasonable and not absolute assurance against material misstatement or loss.

As an integral part of the system of internal control, the Board confirms that there is an ongoing process for identifying, evaluating and managing the significant risks faced by the Group. This process has operated during the year under review and up to the date of approval of the annual report; and is subjected to regular review by the Board.

In an enterprise-wide process and applying a risk/control self-assessment approach, management from each business area identify the risks relating to their area; the likelihood of those risks occurring; the consequences if they do occur; and the actions being and/or to be taken to manage those risks to the desired level. The risk profiles and risk treatment measures so derived from this process are then communicated upwards, from one level of management to another, and eventually compiled to form the Group Risk Profile for reporting to the Audit Committee of the Board. The overall process is facilitated by Internal Audit through the conduct of risk management training workshops; regular communication and consultation with management; and periodic follow-up of the updating of risk profiles and the implementation of risk treatment measures by management.

The Group Risk Profile enables the Audit Committee to focus on the key risks inherent in the Group's businesses and the system of internal control necessary to manage such risks. Internal Audit independently reviews the adequacy and integrity of the system of internal control in managing the key risks and report accordingly to the Audit Committee on a quarterly basis. Where any significant weaknesses have been identified as a result of the reviews, improvement measures are recommended to strengthen controls; with follow-up audits by Internal Audit to assess the status of implementation thereof by management. In carrying out its work, Internal Audit focuses on areas of priority as determined by risk analysis and in accordance with the annual audit plan approved each year by the Audit Committee.

The Group has a Project Review Committee ("PRC") to provide added assurance in the feasibility evaluation of project/investment proposals and subsequent evaluation of the progress and results of endorsed projects/investments through a process of due scrutiny. The PRC reports any material matters arising from this process to the Audit Committee.

Management reports are presented to the Board each quarter providing financial information including key performance and risk indicators. Where areas for improvement are identified including any relating to projects/investments, the Board considers the recommendations made by management and the Audit Committee.

There were no material weaknesses in the system of internal control that would require separate disclosure in this Annual Report.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 26 February 2004.

## penyata kawalan dalaman

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas sistem kawalan dalaman Kumpulan disamping mengkaji kecukupan dan keutuhannya. Sistem ini merangkumi bidang kewangan, operasi dan kawalan pematuhan serta pengurusan risiko. Sistem ini direka dengan tujuan mengurus dan bukannya untuk menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan dan dengan ini, ia hanya dapat memberi jaminan yang munasabah dan bukannya mutlak terhadap kesalahan kenyataan yang penting atau kerugian.

Sebagai satu bahagian penting dalam sistem kawalan dalaman, Lembaga Pengarah mengesahkan bahawa terdapat proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses ini telah beroperasi di sepanjang tahun yang dikaji sehingga tarikh laporan tahunan ini diluluskan; dan sentiasa tertakluk kepada kajian Lembaga Pengarah.

Pihak pengurusan daripada setiap bidang perniagaan akan mengenalpasti risiko berkaitan bidang mereka; kemungkinan berlakunya risiko tersebut; kesan sekiranya berlaku; dan langkah-langkah yang diambil dan/atau akan diambil untuk mengurus risiko tersebut sehingga ke tahap yang dikehendaki. Profil risiko dan langkah pengolahan risiko yang dicapai melalui proses ini akan disampaikan ke pihak atasan; dari satu tahap pengurusan ke tahap yang berikutnya, dan seterusnya disusun bagi membentuk Profil Risiko Kumpulan untuk dilaporkan ke Jawatankuasa Audit. Keseluruhan proses ini dipermudahkan oleh Audit Dalaman melalui bengkel latihan pengurusan risiko; komunikasi dan konsultasi yang kerap dengan pihak pengurusan; serta susulan pengemaskinian profil risiko yang berkala dan pelaksanaan langkah pengolahan risiko oleh pihak Pengurusan.

Profil Risiko Kumpulan tersebut membolehkan Jawatankuasa Audit memberi tumpuan kepada risiko utama yang terdapat di dalam perniagaan Kumpulan dan sistem kawalan dalaman yang perlu untuk mengurus risiko tersebut. Audit dalaman mengkaji kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dalam pengurusan risiko penting secara berasingan dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Audit setiap suku tahun. Hasil daripada kajian yang dijalankan; langkah-langkah tertentu akan disyorkan untuk memantapkan kawalan di mana kelemahan yang nyata telah dikesan, dengan susulan audit oleh Audit Dalaman untuk menilai status pelaksanaan oleh pihak Pengurusan seterusnya. Dalam menjalankan tugasnya, Audit Dalaman menumpukan perhatian terhadap bahagian utama seperti yang ditentukan oleh analisa risiko dan menurut jadual audit tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit.

Kumpulan mempunyai sebuah Jawatankuasa Kajian Projek untuk memberi jaminan tambahan dalam penilaian pelaksanaan projek/pelaburan yang dicadangkan serta penilaian susulan perkembangan dan pencapaian bagi projek/pelaburan yang disokong melalui proses penelitian yang sewajarnya. Jawatankuasa ini akan melaporkan sebarang perkara-perkara penting yang timbul daripada proses ini kepada Jawatankuasa Audit.

Laporan Pengurusan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun dengan memberi maklumat kewangan termasuk pencapaian utama dan petunjuk risiko. Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan cadangan yang dibuat oleh Pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Audit bagi bahagian di mana pembaikan telah dikenalpasti.

Tidak terdapat sabarang kelemahan ketara di dalam sistem kawalan dalaman yang memerlukan pendedahan berasingan dalam Laporan Tahunan ini.

Penyata ini dibuat menurut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 26 Februari 2004.

As required under the Companies Act 1965 ("Act"), the Directors on page 68 of this Annual Report have made a statement expressing an opinion on the financial statements. The Board is of the opinion that the financial statements have been drawn up in accordance with applicable approved accounting standards in Malaysia so as to give a true and fair view of the financial position of the Company and the Group for the financial year ended 31 December 2003.

In the process of preparing these financial statements, the Directors have reviewed the accounting policies and practices to ensure that they were consistently applied throughout the year. In cases where judgement and estimates were made, they were based on reasonableness and prudence.

Additionally, the directors have relied on the system of internal controls to ensure that the information generated for the preparation of the financial statements from the underlying accounting records is accurate and reliable.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 26 February 2004.

Seperti yang dikehendaki di bawah Akta Syarikat 1965 ("Akta"), para Pengarah telah membuat satu kenyataan mengenai pendapat mereka terhadap penyata kewangan di muka surat 108 Laporan Tahunan ini. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyata kewangan tersebut telah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia bagi memberi pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

Di dalam proses penyediaan penyata kewangan ini, Lembaga Pengarah telah mengkaji polisi dan amalan perakaunan bagi memastikan keseragaman kegunaan di sepanjang tahun. Di dalam keadaan di mana pertimbangan dan anggaran telah dibuat, ia adalah berasaskan kemunasabahan dan kecermatan.

Tambahan pula, para pengarah telah meletakkan kepercayaan kepada sistem kawalan dalaman untuk memastikan maklumat yang diperolehi daripada rekod perakaunan yang sedia ada bagi penyediaan penyata kewangan adalah tepat dan boleh dipercayai.

Penyata ini dibuat menurut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 26 Februari 2004.